

25 FEB 1996

JENAZAH PELAJAR MALAYSIA TERBUNUH DI KANADA SELAMAT DIKEBUMIKAN

JOHOR BAHRU, 25 Feb (Bernama) -- Jenazah Nor Azmi Ismail, pelajar Malaysia yang terbunuh dalam kemalangan di Lebuhraya Montreal-Ottawa, Kanada Selasa lepas selamat dikebumikan di tanah perkuburan Islam Mahmoodiah di sini pagi ini.

Jenazah Nor Azmi, 21, pelajar jurusan kejuruteraan di Universiti Concordia, Montreal dikebumikan kira-kira pukul 8.20 pagi selepas tiba dari Kuala Lumpur dengan van pada pukul 4.45 pagi.

Yang turut mengiringi jenazah ialah Pengarah Jabatan Pelajar Kanada, Haji Saaban Muksan.

Allahyarham Nor Azmi terbunuh apabila kereta yang dinaikinya bersama-sama dua rakannya Wan Nazaruddin dan Mahathir Abdullah merempuh sebuah lori di lebuhraya itu pada hari pertama Aidilfitri.

Menurut bapanya, Ismail Kassim, 45, kejadian yang menimpa Nor Azmi adalah takdir dan keluarganya tabah menghadapi dugaan itu.

"Saya telah melarang Nor Azmi daripada memiliki lesen memandu antarabangsa tetapi takdir menentukan bahawa Allahyarham terbunuh di dalam kereta yang dipandu rakannya sendiri," katanya. -- BERNAMA

MH AKD